

## PM arah sistem iPayment diperluas ke semua kementerian awal Mac

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim · Februari 12, 2025 @ 10:12am  
[bhnews@bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

PM arah sistem iPayment diperluas ke semua kementerian awal Mac



PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan pelaksanaan Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) diperluaskan ke semua kementerian dan jabatan mulai awal bulan depan berbanding April ini.

Perdana Menteri berkata, penggunaan sistem terbitan perlu disegerakan bagi membolehkan rakyat menikmati manfaat dan pembaharuan dilaksanakan kerajaan.

"Harus ingat bahawa ukuran akhirnya ialah bagaimana majoriti rakyat mencegah nikmat pembaharuan reformasi yang kita bicarakan."

ADVERTISEMENT



"Sebab itu saya gesa supaya program (sistem) iPayment ini dipercepatkan dari unjuran jadual akhir iaitu pada April, kepada awal Mac, iaitu awal Ramadan ini," katanya berucap ada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

### DISYORKAN

- CPI 2024: Kerajaan komited tingkat persepsi global terhadap ketelusan sistem tadbir urus negara
- Cara hidup berbeza, Sahara dan 'ustaz' bercerai cara baik
- Kenaikan harga lantai padi tak beri kesan besar kepada inflasi - Penganalisis
- 5 kenderaan musnah, gerai mercun terbakar di Cheras

Terdahulu, Perdana Menteri menyempurnakan Majlis Peluncuran iPayment yang turut dihadiri, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Bakar dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dallan Abdul Aziz.

Sistem iPayment disediakan untuk kegunaan agensi Kerajaan Persekutuan yang masih belum mempunyai sistem terimaan elektronik bagi mengurangkan pembayaran oleh orang awam terhadap perkhidmatan ditawarkan kerajaan.

iPayment adalah inisiatif pembayaran di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.

Ia mula dibangunkan pada awal 2022 dengan Fasa 1 membatik saluran portal, manakala Fasa 2 bermula 1 Februari lalu dan setakat ini sebanyak lapan kementerian sudah menggunakan sistem berkenaan termasuk Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Kewangan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, Malaysia perlu bergerak pantas ke hadapan supaya tidak ketinggalan dalam transformasi digital.

Katanya, berbanding negara seperti Estonia, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), kemajuan Malaysia dalam teknologi dilihat mendatar.

"Bila kita lihat, rupanya 10, 15 atau 20 tahun lalu, saya masih ingat ketika itu kita jauh di atas, kekuatan kita dengan segala keagumannya tetapi banyak masalah (berlaku) yang akhirnya (kemajuan negara) kita agak mendatar."

"Jadi sebab itu, kita harus kejar dan bila kita sebut mengenai reformasi institusi termasuk dalam perkhidmatan awam, haruslah ada kepentasan luar biasa," katanya.